# LAMPIRAN

Salinan Pembayar

## KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
## BIL CUKAI TANAH, PARIT DAN TALIAIR

DAERAH
TAHUN

| | | | |
|---|---|---|---|
| NAMA<br>ALAMAT | [illegible] | NO. K/P | [illegible] |

| M/B/P | LOKASI | JENIS & NO. HM | NO. LOT/PLOT/PT. |
|---|---|---|---|
| [illegible] | | | [illegible] |

KELUASAN : [illegible] KEGUNAAN [illegible]

| PERKARA | TANAH | PARIT/T'AIR | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| CUKAI<br>HAPUSAN<br>REMISYEN<br>TUNGGAKAN<br>TUNGGAKAN DENDA<br>KUTIPAN LEBIH/KURANG | RM17.00 | | RM17.00 |
| JUMLAH | RM17.00 | | RM17.00 |

**JUMLAH BAYARAN DIKENAKAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| JUMLAH<br>DENDA<br>NOTIS 6A | RM17.00<br>RM4.00 | SEBELUM 1 JUN<br>SELEPAS 31 MEI<br>JIKA NOTIS 6A DISAMPAIKAN | RM17.00<br>RM21.00 |

CAP AKUAN
TERIMA WANG >>>>>>>
(Sila Lihat Sebelah)

| | |
|---|---|
| SALINAN PEJABAT<br>DAERAH BESUT<br>TAHUN 1998 | 002038 |

| M/B/P | LOKASI | JENIS & NO. HM | NO. LOT/PLOT/PT. |
|---|---|---|---|
| MUK TENANG (16) | | PJKN. MUK. 00000298 (PM) | 002068 |

KELUASAN: 2.0490 Hektar KEGUNAAN: DUSUN KMPG

| | | | |
|---|---|---|---|
| NAMA<br>ALAMAT | [illegible] PENGHULU LUBUK KAWAH BST TRG | NO. K/P | |

| PERKARA | TANAH | PARIT/T'AIR | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| CUKAI<br>HAPUSAN<br>REMISYEN<br>TUNGGAKAN<br>TUNGGAKAN DENDA<br>KUTIPAN LEBIH/KURANG | [illegible] | | [illegible] |
| JUMLAH | RM17.00 | | |

**JUMLAH BAYARAN DIKENAKAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| JUMLAH<br>DENDA<br>NOTIS 6A | RM17.00 | SEBELUM 1 JUN<br>SELEPAS 31 MEI<br>JIKA NOTIS 6A DISAMPAIKAN | RM17.00 |

BATU 13 BESUT TERENGGANU




Petunjuk : ........ Sempadan Perkampungan pengikut Ayah Pin

Kawasan Lanskap - Lihat gambar di lampiran A berkembar

Pintu Gerbang - Lihat gambar di lampiran A berkembar

Bangunan / Rumah - Lihat gambar di lampiran A berkembar

SENARAI PENGIKUT-PENGIKUT AYAH PIN
BERDASARKAN PEMERIKSAAN PADA 17 JUN 1999
DI BATU 13 JALAN HULU BESUT, 22010 JERTEH
( PEREMPUAN )

| Bil | Nama | K/P | Umur | Alamat |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Aishah bt. Sulaiman | 810428-08-5442 | 18 Tahun | 244 A Kongsi Baru, 31700 Malim Nawar, Kampar, Perak. |
| 2. | Akmal bt. Hj. Mohd | - | 19 Tahun | Di rumah yang sama |
| 3. | Azizah bt. Hassan | 570222-08-6482 | 42 Tahun | 244 A Kongsi Baru, Kuala kampar Tin, 31700 Malim Nawar, Perak |
| 4. | Che Jahariah bt. Awang | 6009481 | 39 Tahun | Kg. Batu 13, Tenang, Jerteh |
| 5. | Che Jan bt. Pa' Ya | 430122-03-5034 | 56 Tahun | Kg. Batu 13, Tenang, Jerteh |
| 6. | Fatimah bt. Jaafar | 410201-09-5002 | 58 | No. 7, Lorong 4, Jalan Bakau, RPA Padang Besar, 02100 Padang Besar, Perlis / Batu 13, Bukit Payong, Hulu Besut, Jerteh |
| 7. | Kamariah bt. Hj. Ali | 4691669 | 48 Tahun | Kg. Batu 13, Jerteh |
| 8. | Mona bt. Seth | 741225-01-5202 | 25 Tahun | 28 Jalan Rusa 6 Taman Century 80250 Johor Baharu / 179 Lot Block 1, Jalan P.J.S. 8/9 Petaling Jaya. |
| 9. | Mradiah bt. Dollah | A 2875795 | 25 Tahun | Kg. Dalam Rhu, Semerak, kelantan. |

| Bil | Nama | K/P | Umur | Alamat |
|---|---|---|---|---|
| 10. | Nik Kamariah bt. Nik Pa | - | 26 Tahun | Kg. Gong Datok, Pasir Pulih, Kelantan. |
| 11. | Norhayati bt. Mohd Nor | - | 16 Tahun | -sama. |
| 12. | Normarizan bt. Ab. Rahim | 610524-03-5118 | 38 Tahun | Jalan Beliku Kg. Batu 13, 22010 Jerteh |
| 13. | Raja Esah bt. Raja Daud | 550205-03-5204 | 44 Tahun | Kg. Gong Datok, 16800 Pasir Puteh, Kelantan. |
| 14. | Raja Rokiah bt. Raja Daud | 670120-03-6036 | 32 Tahun | Kg. Gong Datok, Pasir Puteh, Kelantan. |
| 15. | Raml'as bt. Abdullah | 4655751 | 45 Tahun | 1281-B, Lorong Kemunting, Pasir Panjang, 21100 Kuala Terengganu. |
| 16. | Ruzilambt. Mukhtar | 641206-11-5146 | 35 Tahun | Bukit Kemiyong, Batu 13, Bukit Payong, Jerteh, Terengganu. |
| 17. | Saniah bt. Megat Osman | 680120-03-5588 | 32 Tahun | Kampong Bunut Rendang, 16800 Pasir Puteh, Kelantan. |
| 18 | Tuan Mazlah bt. Megat Sulong | 771020-0306058 | 22 Tahun | Kg. batu 13, 22010 Jerteh. |
| 19. | Tuan Rosmani bt. Tuan Muda | 521224-03-5282 | 47 Tahun | 302 Kg. Nibong, Sungai Tong, 21500 Bandar Permaisuri. |

221

| Bil | Nama | K/P | Umur | Alamat |
|---|---|---|---|---|
| 20. | Tuan Sarimah bt. Megat Osman | 820925-03-5488 | 17 Tahun | Kg. Gong Datok, 16800 Pasir Putih, Kelantan. |
| 21. | Wan Meriam bt. Wan Yaakub | 640413-11-5398 | 35 Tahun | Batu 13, Tenang, 22020 Jerteh |
| 22. | Wan Norriah bt. Wan Ali | 14803801 | 44 Tahun | Kg. Gajah Mati, Cherang Ruku, 16700 Pasir Puteh, kelantan. |
| 23. | Zainab bt. Awang | 270511-11-5062 | 72 Tahun | Lorng Kemunting Pasir Panjang, 21100 Kuala Terengganu. |

SENARAI PENGIKUT-PENGIKUT AYAH PIN
BERDASARKAN PEMERIKSAAN PADA 17 JUN 1999
DI BATU 13 JALAN HULU BESUT, 22010 JERTEH
( LELAKI)

| Bil | Nama | K/P | Umur | Alamat |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Abdullah bin Rahim | 581108-10-6279 | 41 Tahun | Batu 18 ¼ Jalan Dungun, Jeram, Kuala Selangor. |
| 2. | Ali bin Sulaiman | 860312-38-6329 | 13 Tahun | 244 A Kongsi Baru, Kuala Dipong Tin, 21700 Malim Nawar, Perak. |
| 3. | Arifin bin Muhamad | 430622-03-5313 | 56 Tahun | Kg. Batu 13, 22010, Jerteh |
| 4. | Asri bin Ahmad | 720527-10-5557 | 27 Tahun | Batu 18 ½ Jalan Dungun, Kuala Selangor. |
| 5. | Daud bin Mamat | 311226-03-5353 | 68 Tahun | Batu 13, Tenang, 22020 Jerteh |
| 6. | Daud bin Mohamed | 520117-03-5303 | 47 Tahun | 302 Kg. Nibong, Sungai Tong, 21500 Bandar Permaisuri. |
| 7. | Embong bin Awang | 370816-11-5053 | 63 Tahun | 1317-A Loreng Kemunting Pasir Panjang, 21100 Kuala Terengganu |
| 8. | Faizal bin Zainal Abidin | A 0401368 | 32 Tahun | 68 Jalan J/12C, Sri Batu, Jalan Ipoh, 51100 Kuala Lumpur / Batu 13, Tenang, 22010 Jerteh |
| 9. | Kamarul Zaman bin Musa | A 0783082 | 32 Tahun | Kg. Bt. 13, Bukit Payong, Besut, Terengganu. |
| 10. | Khairul Ridzuan bin Sulaiman | 750530-08-6539 | 24 Tahun | 244 A Kongsi Baru, Kuala Kampar, 31700 Malim Nawar, Perak. |

LAMPIRAN C

| Bil | Nama | K/P | Umur | Alamat |
|---|---|---|---|---|
| 11. | Mamal bin Yusof | 3196123 | 61 Tahun | 365 Bt. 27, kg. Sg. Tong, 21500 Setiu, Terengganu / Batu 13, Bukit Payong, Besut, Terengganu. |
| 12. | Mat Yusof Zakaria @ bin Daud | 46062203-03-5353 | 53 Tahun | Kg. Padang Nibong, 21500 Bandar Permaisuri. |
| 13. | Megat Osman bin Megat Ahmad | 411027-03-5147 | 58 Tahun | Kg. Bunut Redang, Gong Dalok, 16800 Pasir Puteh |
| 14. | Mohamad bin Abdullah | 550718-11-5269 | 44 Tahun | No. 1317 B Lorong Kemunting, Pasir Panjang, 21100 Kuala Terengganu. |
| 15. | Mohd Fadil bin Mohd Nor | - | 22 Tahun | Pondok Dalam Kawasan Rumah Ayah Pin |
| 16. | Mohd Juri bin Arifin | 760406-03-5257 | 23 Tahun | Jalan Bkt. Kemiyong, batu 13, Tenang, 22010 Jerteh. |
| 17. | Mohd Noor bin Awang | 410523-03-5387 | 58 Tahun | Kg. Batu 13, Jalan Bukit Kemiyong, Tenang, 22010 Jerteh, Terengganu. |
| 18. | Mohd Saiful Edleen bin Othman | 770203-08-7275 | 22 Tahun | 2288 Kongsi Baru Kuala Kampar Tin, 31700 Malim Nawar, Perak. |
| 19. | Mohd Yusoff bin Husin | 571010-03-5701 | 42 Tahun | Jalan Belian Kg. Batu 13, 22010 Jerteh. |
| 20. | Muhammad Isa bin Sulaiman | 820611-08-6143 | 17 Tahun | 244 A Kongsi Baru, Kuala Kampar Tin, 31700 Malim Nawar, Perak. |

227

| Bil | Nama | K/P | Umur | Alamat |
|---|---|---|---|---|
| 21. | Nik Pa bin Ag. Senik | 510813-03-5199 | 48 Tahun | Kg. Gong Datok, 16800 Pasir Putih. |
| 22. | Osman bin Mamat | 381229-03-5095 | 61 Tahun | Kg. Beoh Gunong, 16090 Bachok, Kelantan. 16800 Pasir Puteh |
| 23. | Ramli bin Daud | 460511-11-5369 | 53 Tahun | Kg. Nibong, Sungai Tong, 21500 Bandar Permaisuri. |
| 24. | Rosly bin Abdul Samad | 680327-06-5191 | 31 Tahun | Kg. Melayu Jerkoh Benta, 27300 Kuala Lipis, Pahang |
| 25. | Sulaiman bin Takrib | 490224-08-5731 | 50 Tahun | 244 Kongsi Baru, Kuala Kampar Tin, 31700 Malim Nawar, Perak. |
| 26. | Syed Nizam bin Syed Salim | 750321-01-6971 | 24 Tahun | 319 Jalan Jabbar, parit Jawa, 84150 Muar / 377 Persiaran Desa Ampang 5, Taman Sri Ampang, Ampang, Selangor. |
| 27. | Wan Nawang bin Wan Salleh | 650716-71-5383 | 34 Tahun | Kg. Dalam Rhu, Semerak. |

225

LAMPIRAN D

NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 50 | 4hb Disember 1997 | No. 25

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM 1986

(Enakmen Terengganu 12 Tahun 1986)

No. 1461.

PEMBERITAHU FATWA DI BAWAH SEKSYEN 26 (3)

Bahawasanya menurut Seksyen 26(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah perkenan supaya fatwa yang terkandung di dalam ini disiarkan dalam *Warta*.

Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Seksyen 25 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini membuat dan mengeluarkan Fatwa berikut:

1. Bahawasanya ajaran dan pegangan Ayah Pin adalah palsu, sesat, menyeleweng dan boleh membawa ancaman kepada ketenteraman orang awam serta merosakkan akidah.

2. Oleh yang demikian orang ramai di negeri ini hendaklah menghindar diri daripada terlibat dengan pegangan dan ajaran Ayah Pin tersebut.

Dengan Titah Perintah,

DATO' HAJI ISMAIL BIN ALI,
Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama,
Terengganu

Bertarikh 26 Oktober 1997.
[MB. TR. (s); 16/72 Bhg. 4;
PUN. Tr. (s) 142 Bhg. 2.]

**KERATAN AKHBAR**

GUNTINGAN AKHBAR

HA AKHBAR : Utusan Malaysia

RIKH : 16/1/95 HUKASURAT :



ARIFFIN Mohamed atau Ayah Pin (memegang mikro[illegible]) memberikan penerangan kepada lebih 200 pengikutnya mengenai kesalahan ajarannya dalam majlis di markasnya, Kampung Batu 13, Tenang, Besut malam semalam yang turut dihadiri oleh pegawai Jabatan Agama Islam Terengganu dan anggota-anggota polis. — Gambar ABD. RAHMAN SALLEH.

UM 16/1/95

# Ketua 'Kumpulan Ayah Pin' buat pengakuan

Olah MAZLAN OHKOM

BESUT 15 Jan.— Ketua kumpulan ajaran *Ratib Saat Ayah Pin*, salah satu daripada 46 ajaran yang diisytiharkan sesat oleh Pusat Islam, mengaku bahawa dia menipu semua pengikutnya dengan dakwaan pernah bertemu dengan Allah dan Rasulullah dalam keadaan jaga.

'Ayah Pin' atau nama sebenarnya Ariffin Mohamad, 9, juga memberitahu *Utusan* di markasnya bahawa beliau tidak pernah belajar agama serta jahil dalam pengetahuan fardu ain.

Serentak dengan itu, beliau juga menyeru para pengikutnya kembali ke pangkal jalan.

*Wartawan Utusan* telah menemu bual Ariffin ketika menyertai sepasukan pegawai Jabatan Agama Islam Terengganu dan anggota-anggota polis yang menjalankan siasatan lanjut ke atasnya di markasnya di Kampung Batu 13, Mukim Tenang, Besut malam tadi.

Ariffin mempunyai pengikut dari pelbagai peringkat umur, lelaki, wanita serta kanak-kanak yang datang dari Terengganu, Pahang, Kelantan dan Perak.

*Utusan Malaysia* pernah mendedahkan kegiatan ajaran itu pada tahun lalu.

Menurut Ariffin, di seluruh negara terdapat kira-kira 2,000 pengikut ajaran zikir itu dan dia menyeru mereka agar kembali ke pangkal jalan.

Berkulit hitam manis, tingginya 165 hingga 170 sentimeter, Ariffin mempunyai empat orang isteri dan 21 orang anak (yang dianggapnya) serta memakai pakaian serba putih yang menjadi ikutan lebih 200 orang pengikutnya yang hadir malam tadi.

"Ada yang datang dari Rompin dan Endau, Pahang; dari Kongsi Baru, Sitiawan, Perak; dari Kampung Gong Datuk, Kampung Dalam Rhu, Kampung Redang, Bachok, Kelantan dan di Terengganu dari Pasir Panjang, Mercang, Sungai Tong dan Pulau Rusa," jelasnya.

Ariffin yang berasal dari Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan mengakui pernah belajar zikir daripada ajaran 'Hassan Anak Harimau' yang turut diisytiharkan sesat.

## Ditahan

Menurut beliau, Hassan yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) beberapa tahun lalu juga adalah menantunya.

"Saya tidak pernah sembahyang Jumaat atau belajar agama daripada sebarang guru agama yang muktabar dan apa yang saya ajar di sini (markas itu) hanyalah zikir," katanya.

Ariffin memberitahu dia belajar zikir daripada Tok Guru Mad Bakok, Tok Ngah Ali dan Husan Anak Harimau serta mengambil secara rambang ayat-ayat Quran yang dia sendiri tidak tahu membacanya.

Katanya, dia sendiri tidak ingat dan tahu makna zikir yang diajar kepada murid-muridnya.

Menurutnya, apa yang dia lakukan ialah dengan mengarahkan lima orang muridnya yang pandai membaca untuk mengendalikan upacara berzikir.

Tambahnya, markas bercat putih, beratap zink dan bertiangkan kayu serta mempunyai telefon 'Atur' didirikan sejak 17 tahun lalu setelah Arifin membuka sebidang tanah.

*Utusan* difahamkan 'Ayah Pin' mempunyai tiga buah kereta serta beberapa syarikat perniagaan sendiri dan menerima wang daripada anak muridnya yang datang berkumpul untuk berzikir sekali setiap dua minggu.

Sementara itu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu sedang bertindak untuk mengembalikan kesemua pengikut ajaran sesat itu ke pangkal jalan.

Seorang jurucakapnya berkata, jabatan menggunakan pendekatan yang sama dengan cara Pusat Islam memulihkan para pemimpin dan pengiku Al-Arqam.

Sehubungan itu, katanya, pada peringkat sekarang jabatan itu sedang berusaha memulihkan akidah Ariffin dan akan menemui setiap pengikutnya bagi tujuan yang sama.

Menurut jurucakap itu, jabatannya tidak bercadang untuk mendakwa Ariffin jika beliau dan pengikut-pengikutnya bersedia kembali ke pangkal jalan dengan cara sukarela.

# RENCANA •

B.H - JUMAAT - 21 JULAI 2000.

MINDA PENGARANG

# Tindakan pelampau agama jejas keamanan

PENDEDAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai sekumpulan tiga hingga lima anggota Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) cuba menyerang sebuah kuil dan kilang arak bagi mencetuskan huru-hara, amat menyeramkan. Ini kerana ia boleh mencetuskan suasana buruk di negara ini apabila kumpulan itu bertindak mengikut sentimen keagamaan. Kumpulan itu mungkin cuba mendapatkan sokongan umat Islam supaya mengizinkan perbuatan jenayah atau bersimpati dengan tindakan yang mereka lakukan. Mereka lupa tindakan itu sebenarnya akan menyusahkan seluruh rakyat sama ada yang beragama Islam atau tidak. Islam tidak pernah mengajar umatnya bertindak zalim terhadap pengikut agama lain atau memusnahkan harta benda milik orang lain. Sekiranya rancangan kumpulan itu berjaya, dengan sekelip mata keamanan negara ini akan tergugat dan keharmonian yang dicipta sekian lama akan terhapus.

Jika tembakan di sebuah kuil di Kuala Lumpur menggunakan senjata M16-203 yang dicuri dari kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, Perak, menepati sasarannya, pastinya pengikut agama berkenaan akan melakukan tindak balas spontan. Mereka mungkin pula memusnah atau membakar masjid dan surau. Apa juga agama, rumah ibadat adalah tempat suci. Mereka juga menjaga kesucian dan maruah agama mereka. Apabila keadaan ini berlaku, keselamatan negara akan tergugat dan tidak mustahil juga pertumpahan darah akan berlaku di mana-mana. Ketika itu keselamatan negara sukar lagi dikawal terutama apabila peristiwa pembakaran rumah ibadat dan bunuh-membunuh merebak ke seluruh negara. Apakah Islam mahu dianggap sebagai pencetus kepada huru-hara ini? Isu agama begitu sensitif di negara ini. Oleh itu, pihak keselamatan perlu bertindak segera.

Percubaan menembak kilang arak tidak bermakna kumpulan itu melakukan jihad dan perlu disokong. Tindakan mereka itu tidak semestinya akan memusnahkan harta benda semata-mata. Bagaimana dengan nyawa manusia yang sedang bekerja di kilang itu? Sekiranya sasaran mereka menjadi, mungkin ada anak yang kehilangan ayah atau ibu yang sedang bekerja di kilang itu. Walaupun mereka mungkin bukan beragama Islam, tidakkah tindakan seperti itu mencemarkan nama baik Islam? Disebabkan menyedari tindakan itu dilakukan orang Islam, semestilah juga tindak balas akan dilakukan ke atas umat Islam. Maka, huru-hara akan tercetus dengan mudah. Apabila tindakan menembak kuil dan kilang arak dilakukan serentak, api perkauman dan keagamaan akan merebak dengan begitu pantas. Nama baik Islam akan tercemar manakala Malaysia tercatat sebagai sebuah negara pengganas. Jika ada percubaan mana-mana pihak untuk menyokong perjuangan Al-Ma'unah, mereka sebenarnya ingin mencemarkan Islam dan memusnahkan keamanan dan kemakmuran di negara ini.

# Nafsu ingin berkuasa cetus ajaran sesat

Oleh Hatipah Ahmad dan Hasliza Hassan

**skop**

**✔ Sekiranya ilmu kebal adalah ajaran Islam, sewajarnya Rasulullah adalah orang pertama yang akan mempraktikkan ilmu itu memandangkan baginda adalah perantara kepada ajaran Islam dan pengikutnya.**

**✔ Jika benar ada ayat al-Quran boleh menjadikan pengamalnya kebal, mengapa ramai tahfiz Quran mati syahid di medan perang padahal mereka boleh menggunakan ayat itu.**

PERSEPSI orang Melayu terhadap ilmu kebal dan ghaib begitu tinggi sehingga pandangan mereka menjadi kabur dengan kumpulan yang menjanjikan kuasa untuk mereka memiliki kebolehan luar biasa itu.

Inilah yang terjadi dalam masyarakat Melayu masa kini hinggakan ketaksuban untuk mendapatkan ilmu kebal dan menjadi insan yang lebih istimewa daripada orang lain membutakan mereka kepada kebenaran.

Akibatnya, apa saja yang disogokkan kepada mereka diterima bulat-bulat asalkan kehendak nafsu mereka untuk mencapai tahap 'manusia ajaib' menjadi kenyataan.

Persoalannya, apakah ilmu kebal, ghaib dan boleh terbang adalah sebahagian daripada ajaran Islam seperti yang didakwa oleh penganjur kumpulan yang menyeleweng? Benarkah kerohanian Islam terletak pada kemampuan manusia menjadi kebal?

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Persidangan, Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Zakaria Stapa, menjelaskan ilmu kebal bukanlah ilmu Islam.

Hujah beliau ialah sekiranya ilmu kebal adalah ilmu Islam, sewajarnya Rasulullah adalah orang pertama yang akan mempraktikkan ilmu itu memandangkan baginda adalah perantara kepada ajaran Islam dan pengikutnya.

Tetapi menurut, Zakaria, Rasulullah yang hidupnya berlandaskan al-Quran tidak pernah menunjukkan ciri kekebalan, sebaliknya sentiasa mengharapkan bantuan Allah.

"Kebal tidak timbul dalam Islam kerana Rasulullah sendiri yang pergi berdakwah ke Taif, cedera apabila diserang oleh penduduk di sana. Andainya kebal itu ada dalam Islam, tentu baginda menggunakannya demi keselamatan diri.

"Lebih tragis, persitiwa yang menimpa Saidina Hamzah yang mati dalam peperangan dan perutnya dibelah lalu dimamah oleh Hindun. Jika benar ada kebal dalam Islam, pastinya Rasulullah sudah mengajarkannya kepada tentera Islam dalam usaha mempertahankan pengikutnya," katanya.

Zakaria berkata, berdasarkan hujah itu jelas membuktikan bahawa ilmu kebal bukan sebahagian daripada ilmu Islam tetapi satu keadaan yang timbul di persekitaran berpunca daripada sifat manusia sendiri yang inginkan ilmu mengatasi kemampuan mereka.

Beliau berkata, apa yang jelas, kekebalan boleh dikaitkan dengan kewujudan unsur sihir oleh golongan yang rosak akidah, dengan memuja kuasa selain Allah untuk tujuan tertentu.

Menurut Zakaria, amat sukar untuk mengaitkan ilmu kebal dengan mana-mana ayat al-Quran sekalipun ada yang mendakwa terdapat ayat yang boleh menjadikan seseorang itu kebal.

Jika terdapat ayat al-Quran yang boleh menjadikan pengamalnya kebal, mengapa ramai tahfiz yang syahid di dalam peperangan mempertahankan kubu Islam sedangkan mereka boleh menggunakan ayat itu jika mahu.

"Persoalannya ada perkara yang tidak jelas dan menyebabkan sebahagian kita terperangkap dalam ajaran menyeleweng akibat terlalu takjub dengan kelebihan ilmu ini, kononnya daripada al-Quran," katanya.

Walaupun kenyataan ini jelas membuktikan Islam tiada kaitan dengan ajaran ilmu kebal ini, namun ia belum cukup mampu untuk menyedarkan orang Melayu kepada hakikat kebenaran.

Mengulas permasalahan ini, Zakaria menyifatkan ia adalah kelebihan di pihak penganjur ajaran sesat yang berjaya mempengaruhi minda waras manusia, terutama orang Melayu, agar tertarik kepada sifat berlawanan.

Dan lebih malang, tarikan itu amat sukar untuk dileraikan apabila golongan yang terpengaruh terlalu taksub kepada amalan serta syarat yang dikenakan ke atas mereka.

Beliau yang turut terbabit dalam usaha mengembalikan akidah bekas ahli Kumpulan Al-Arqam berkata, proses untuk menarik balik mereka ke jalan yang benar amat sukar.

"Apabila mereka terlalu inginkan ilmu ini, mereka akan lakukan apa saja. Dalam setiap amalan ajaran sesat, murid perlu mentaati guru. Siapa yang ingkar, tidak akan berjaya dalam ilmu mereka.

"Inilah senjata yang dilakukan dan apabila senjata ini sudah menguasai hati dan minda, adalah sukar untuk kita tarik mereka supaya kembali kepada kebenaran," katanya.

"Bagi ahli kumpulan aja ran sesat ini, mereka meng anggap ilmu kita tidak cu kup untuk berlawan denga ilmu yang diamalkan mer ka dan disebabkan oleh tan gapan itu, susah untuk ki menyedarkan mereka," k tanya.

Ditanya apakah tujuan seorang guru itu menyeb kan ajaran sesat atau me buhkan perkumpulan y mengamalkan ajaran Isl yang diputarbelitkan, Z berkata, semua berpunca da nafsu ingin berkuasa.

Selain itu, katanya, n juga ingin meluaskan per dengan menarik seramai kin pengikut yang seter menurunkan ilmu itu k ahli baru.

Tujuan lain ialah seba nyokong sumber ekono pada mereka kerana ke kan pengikut kumpulan sesat terdiri daripada ah fesional yang mempuny wangan ku

## Makhluk jenis

# Ajaran sesat wujud sebelum kedatangan Islam

Oleh Hatipah Ahmad dan Hasliza Hassan

**Sejarah ajaran sesat di negara ini bukan singkat, malah berakar umbi dalam kehidupan masyarakat. Hampir setiap negeri disyaki ada ajaran sesat yang disebarkan secara senyap dan mendapat sokongan sebahagian masyarakat. Kebanyakan mereka bergerak dalam kumpulan kecil dan semakin bertambah dari semasa ke semasa**

skop

AJARAN sesat bukan perkara baru dalam masyarakat Islam di Malaysia. Malah, kewujudannya sudah ada sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang mana masyarakat pribumi ketika itu iaitu Melayu dan Orang Asli sudah mengamalkan banyak kepercayaan yang berunsur karut, animisme, tahyul dan khurafat.

Kepercayaan mereka terhadap kewujudan puaka dan penunggu gunung, hutan dan keupayaan 'makhluk' itu untuk menolong, menjaga dan memenuhi keperluan mereka menebal pada setiap generasi.

Budaya memelihara 'hantu' seperti hantu raya untuk menjaga kebun juga mendorong kepada perkembangan kerjaya bomoh dan dukun di kampung.

Sejarah ajaran sesat di negara ini bukan singkat, malah berakar umbi dalam kehidupan masyarakat.

Hampir setiap negeri disyaki ada ajaran sesat yang disebarkan secara senyap dan mendapat sokongan sebahagian masyarakat. Kebanyakan mereka bergerak dalam kumpulan kecil dan semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Meskipun sebahagian besar berjaya ditumpas atau dihadapkan ke mahkamah, masih ada lagi yang terlepas hingga akhirnya menggemparkan negara dengan pelbagai onar seperti kejadian yang berlaku di Sauk membabitkan dua anggota pasukan keselamatan terbunuh.

Mengikut definisi, orang yang sesat dianggap sebagai orang yang tiada pengetahuan agama yang betul, mempelajari perkara yang bertentangan dengan jalan yang benar.

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islam Malaysia (Yadim), Datuk Nakhaie Ahmad, berkata perkataan sesat lebih menepati maksud kerana ajaran yang diamalkan masih dalam lingkungan agama Islam. Kecuali jika ajaran itu terkeluar daripada Islam secara jelas dan nyata seperti ajaran Qadiani Ahmadiah, Ismailiyah, Druz dan Syiah.

Gejala ini membabitkan pelbagai peringkat umur dan golongan, termasuk profesional dan kenamaan yang mana kumpulan ajaran sesat ini lebih banyak merugikan pengikutnya.

Umpamanya, penuntut pusat pengajian tinggi kandas dalam pelajaran, kepentingan anak isteri terabai, harta benda tergadai dan diri sendiri hidup tanpa tujuan serta pengikut wanita pula dijadikan alat memuaskan nafsu ketua kumpulan.

Menurutnya, antara punca gerakan ajaran sesat berkembang dan berleluasa di negara



NAKHAIE AHMAD

ini ialah disebabkan oleh keghairahan manusia mencari ketenangan jiwa dan kesempurnaan agama melalui cara batin sebagai jalan mendekatkan diri kepada Tuhan.

Selain itu, katanya, masalah kejahilan, dangkal ilmu, salah faham dan keliru mengenai Islam juga menyebabkan ramai yang terdorong menyertai ajaran sesat. Ramai daripadanya yang mengikut nafsu untuk memenuhi kepentingan diri walaupun pada mulanya niat mereka ingin mengikut jalan yang benar dan mendapat petunjuk. Faktor lain yang mempengaruhi perkembangannya ialah mudah percaya kepada guru dan ajaran yang dibawanya, cetek ilmu dan lemah iman, kepentingan seks, amalan sosial yang keterlaluan, dipengaruhi psikologi, keinginan mempelajari ilmu batin ataupun pengaruh orientalis barat yang suka mengagung-agungkan pemimpin ajaran sesat supaya mencemarkan kesucian Islam.

Nakhaie berkata, matlamat penubuhan gerakan ajaran sesat juga adalah pelbagai. Antaranya ialah untuk melumpuhkan perpaduan dan menghancurkan kesucian Islam. Sejak zaman Rasulullah, ancaman akidah ini sudah bergerak secara kumpulan atau perseorangan, tetapi ia berjaya dibanteras berikutan keteguhan pegangan umat Islam menangkis pelbagai asakan cabaran.

Selain itu, katanya, matlamat kedua ialah menggunakannya untuk kepentingan diri pemimpin. Guru memperbodoh-bodohkan pengikutnya, menghasut mereka dengan mengaku diri mencapai tahap wali, arif rahsia batin dan hakikat.

"Mereka juga mentafsirkan ayat al-Quran dan hadis tanpa ilmu serta menggunakan perkataan Arab demi menyakin orang ramai bahawa dia adalah seorang penyebar dakwah walhal ilmu yang ada di dada mereka sebenarnya tidak sampai ke mana," katanya.

Hakikatnya, kepercayaan yang melulu terhadap seorang guru dan ajaran yang dibawanya adalah satu kerugian. Sebahagian daripada mereka hanya mahu menggugat perpaduan masyarakat dan pada masa yang sama mengambil kesempatan mengaut wang ringgit, harta benda serta memenuhi nafsu syahwat semahunya lantaran kebodohan pengikut.

KES 1

SALIHIN (bukan nama sebenar), 40-an, seorang anggota pasukan keselamatan. Riak muka yang garang membuatkan ramai orang gerun padanya. Persekitaran dan tekanan kerja juga banyak mempengaruhi yang mana beliau banyak bergaul dengan pelbagai peringkat masyarakat termasuk samseng dan tauke besar.

Ditambah dengan kurangnya ilmu agama dan kehidupannya yang kurang mengambil berat akan perintah Allah menyebabkan dia membuat perkara berdosa. Umpamanya menerima rasuah, minum arak dan kaki perempuan.

Tiba-tiba sesuatu kemalangan berlaku hingga menyebabkannya ingin berubah ke jalan yang lurus. Bagaimanapun, beliau yang kurang pengetahuan agama berkenalan dan terpikat dengan seorang tok guru dan akhirnya terjebak dalam kancah ajaran sesat yang menjanjikan perhubungan terus dengan Allah.

KES 2

RAHIMAH (bukan nama sebenar), 24, mula mendampingi Pak Cik Dollah, yang dipanggilnya Tok Guru, sejak empat bulan lalu. Tok Guru banyak mengajarkan ilmu agama kepadanya dan sering membaca kitab lama.

Amalan zikir beramai-ramai setiap lewat malam antara amalan mereka dan pengikut sering ditegaskan soal kepatuhan dan pengorbanan untuk mengangkat martabat dan mensucikan diri.

Peringkat tertinggi ialah upacara pernikahan batin antara Tok Guru dengan pengikut dianggap pengabdian paling tinggi. Lebih afdal dilakukan pada malam Jumaat iaitu di waktu bulan mengambang. Upacara itu sering dilakukan selepas itu.

Satu malam, mereka diserbu oleh pihak berkuasa. Semua ditangkap. Akhirnya Rahimah diperintah menjalani pemulihan akidah oleh jabatan agama.

**Jakim turut menggariskan beberapa kriteria untuk mengenali sesebuah kumpulan ajaran sesat. Antaranya ialah kepercayaan kepada rukun Iman dan asas akidah yang bertentangan dan tidak selaras dengan Sunnah Wal Jamaah di samping mempercayai ada kitab dan kiblat lain**

Wal Jamaah di samping mempercayai ada kitab dan kiblat lain

akhirnya menggemparkan negara dengan pelbagai onar seperti kejadian yang berlaku di Sauk membabitkan dua

lain.

Menurutnya, antara punca gerakan ajaran sesat berkembang dan berleluasa di negara

yang benar dan mendа tunjuk. Faktor lain yan pengaruhi perkemban ialah mudah percaya

23

# Sihir, ilmu kebatinan pengaruhi pengikut

BAHAGIAN Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menggariskan beberapa taktik penyebaran yang sering digunakan oleh pemimpin dan pengikut ajaran sesat untuk menarik penyertaan dan sokongan ahli.

Antaranya pemimpin mereka akan berpura-pura menjadi warak untuk mendapatkan kepercayaan ahli. Mereka juga sering mengawasi pergerakan pengikut mereka supaya tidak berpaling tadah.

Pemimpin ajaran sesat juga sentiasa mengambil tahu latar belakang orang yang hendak dipengaruhi dan berusaha menimbulkan keraguan terhadap Islam supaya pengikut mereka keliru dan hilang kepercayaan terhadap diri sendiri.

Jurucakap Jakim berkata, kumpulan ajaran sesat juga sering mengamalkan ilmu sihir dan kebatinan untuk mempengaruhi pengikut.

Mereka sering mengadakan sumpah taat setia bagi merahsiakan ajaran, kononnya berdasarkan surah al-Ahzab ayat tujuh mengenai wahyu kepada nabi.

Mereka juga sering menyalahgunakan cara Rasulullah berdakwah seperti sembunyi, hijrah dan jihad dan mempraktikkan kaedah itu untuk menyebarkan ajaran sesat. Malah, pengikut juga diajar supaya taksub dengan ajaran rekaan guru mereka walaupun ajaran itu secara nyata menyimpang daripada landasan dan kepercayaan Islam.

Taktik lain yang sering digunakan oleh pemimpin ajaran sesat terutama jika ajaran itu sudah berjaya menarik ramai ahli dan mula berpengaruh ialah dengan menunjuk belang mereka dengan mengamalkan konsep nikah batin untuk kepentingan seks mereka.

Mereka juga mengajar pengikut mereka supaya mengurangkan ibadah dalam Islam. Umpamanya, ahli diajar supaya tidak perlu sembahyang Jumaat kerana imam tidak tahu mengenai ilmu mereka.



**PERKAMPUNGAN** Darul Arqam kini hanya tinggal kenangan selepas kerajaan mengharamkan pertubuhan itu.

Mereka juga boleh mengurang atau menambah jumlah rakaat dalam sembahyang sesuka hati.

Taktik lain untuk menarik perhatian masyarakat ialah dengan mengaku diri sebagai Imam Mahadi kerana menyedari orang Melayu amat gemar kepada sesuatu kejadian yang luar biasa dan berunsurkan hari pembalasan.

Jakim juga turut menggariskan beberapa kriteria untuk mengenali sesebuah kumpulan ajaran sesat. Antaranya ialah kepercayaan kepada rukun iman dan asas akidah yang bertentangan dan tidak selaras dengan Sunnah Wal Jamaah di samping mempercayai ada kitab dan kiblat lain.

Mereka juga mendakwa seseorang terutamanya pemimpin atau tok guru sebagai Rasul atau nabi terakhir selepas Nabi Muhammad. Mereka juga percaya dan berusaha untuk memansuhkan al-Quran dan hadis Rasulullah serta kitab Allah yang lain.

Kriteria lain ialah mereka sanggup mempertikai dan menafikan kebenaran al-Quran dan hadis, malah mentafsirkannya mengikut rekaan sendiri dan mereka-reka hukum sesuka hati. Mereka juga akan mendakyah diri sendiri atau ketua mereka sebagai nabi.

Malah, mereka juga percaya kepada penyatuan beberapa agama terbesar di duni gai agama yang sepa menjadi umat manusia ka berusaha menggabu agama Yahudi, Kristian lam serta mencampur kannya dengan agama dan Buddha.

Kriteria lain ialah me kan bidaah atau pendap yang bertentangan deng dah dan syariat seperti hapuskan sembahyang dan fardu haji di Makka

Mereka juga mentafs menghurai al-Quran da sesuka hati serta pend diri atau pemimpin dar pulan ajaran secara be ngan dengan Sunnal Jamaah.

BERITA HARIAN - ISNIN 24 JUL 2000.

# Kerajaan perlu bantuan hapus ajaran sesat

B/Harian Kl/Hantis, 30 NOV 2000

KEGIATAN ajaran sesat di negara ini hanya dapat ditangani secara berkesan jika mendapat kerjasama kerajaan negeri, kata Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau pihak penguasa negeri tidak dapat bertindak sehingga kerajaan negeri mewartakan sesuatu ajaran itu sebagai sesat.

Menjawab soalan tambahan Taib Azamudden Mohd Taib (PAS-Baling), beliau berkata daripada 125 kumpulan ajaran sesat yang dikenal pasti sehingga 31 Ogos lalu, hanya 53 kumpulan diwartakan oleh kerajaan negeri.

"Ajaran ini tidak akan dapat dibanteras tanpa kerjasama kerajaan negeri. Oleh itu, kita akan terus berbincang dengan kerajaan negeri bagi menangani masalah ini," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Fadzil Nor (PAS-Pendang), Noh berkata, penguatkuasaan membanteras kegiatan itu dijalankan kerajaan negeri mengikut peruntukan enakmen negeri masing-masing selepas sesuatu kumpulan itu diwartakan sebagai sesat.

Beliau berkata, ajaran sesat itu turut merangkumi gerakan antihadis yang kini sudah diwartakan semua negeri sebagai ajaran sesat.

Kepada soalan asal Abu Bakar Othman (PAS-Jerlun), beliau berkata, daripada 125 kumpulan ajaran sesaat, 71 sudah dibanteras, 18 masih aktif manakala 13 kumpulan masih dalam kajian pihak berkuasa agama.

Katanya, tiada negeri yang terkecuali daripada masalah itu dengan Pahang mencatat bilangan kumpulan terbesar iaitu 31 kumpulan manakalan Perlis dan Sarawak, bilangan terendah, masing-masing tiga kumpulan.

# Sembilan helah sebar kesesatan

U.M - RABU - 11 OKT 00

PENGARANG Abdurrahman Husin dalam bukunya, al-Akidah Islamiyyah ada menyebut, gerakan batiniah bersepakat menggunakan sembilan helah dalam menyebar kesesatan dan mencari pengikut.

Mereka melakukan helah ini secara beransur-ansur bersesuaian dengan perkembangan semasa dengan menetapkan matlamat menyesatkan umat Islam melalui fahaman bercanggah dengan akidah.

Sembilan helah untuk mencari pengaruh dalam meluaskan ajaran batiniah ialah pertamanya, At-Tafarrus iaitu sentiasa memerhati hal ehwal orang yang akan diperangkap. Apabila ada tanda seseorang itu terpengaruh dengan fahaman yang disampaikan, individu berkenaan akan didekati secara serius.

Kedua, at-Taknis iaitu pujukan melalui lemah lembut seperti memuji kelebihan yang dimiliki individu berkenaan.

Seterusnya, at-Tasykik iaitu usaha menimbulkan keraguan seperti mengemukakan soalan kepada orang awam terutama membabitkan asas syarak.

At-Taklid iaitu menggantung jawapan. Sekiranya orang yang dikemukkan dengan pelbagai persoalan tidak dapat menjawab soalan itu, jawapan akan ditangguhkan untuk menimbulkan keraguan berpanjangan.

Ar-Rabth iaitu mengadakan ikatan atau perjanjian dengan orang yang diseru melalui sumpah seperti menceraikan isteri, nazar, membuang harta dan tidak membuka rahsia kepada orang lain.

At-Tadlis iaitu penyampaian ilmu secara beransur-ansur supaya orang yang diseru tidak berasa tertipu atau terkejut dengan sesuatu fahaman baru.

At-Taksisi/at-Talbis iaitu teknik mendidik supaya memahami di antara yang zahir dan batin. Zahir hanya diketahui oleh orang awam, manakala batin hanya diketahui ketua.

Al-Khala-as-Salakh Min Din usaha iaitu meyakinkan orang yang diseru supaya berpegang kepada yang batin dan menjauhi yang zahir. Sekiranya keyakinan kepada yang batin kukuh, perkara yang diharamkan boleh dilakukan.

Akhirnya ialah al-Insilakh Min ad Din al Kullih iaitu usaha menjadikan seseorang yang didakwah tidak mengamalkan semua amalan zahir (amalan syariat) dan membebaskan seseorang daripada patuh kepada syariat.

Oleh yang demikian, seseorang yang sudah berada pada tahap ini adalah bebas daripada ajaran syariat dan hukum agama.

Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat

# Lebih 40 ajaran sesat dikesan

B.H. Jumaat 24 Nov 00

KUALA LUMPUR, Khamis – Terdapat lebih 40 ajaran sesat di negara ini yang disenaraikan Pusat Islam dan sebahagian daripadanya masih bergiat aktif termasuk Qadiani, Taslim dan Baha'i.

Selain itu, beberapa ajaran tariqat di Kedah, Kelantan, Johor, Selangor yang diragui kesahihannya berjaya menarik minat pelbagai golongan.

Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof Madya Dr Wan Mohd Azam Wan Mohd Amin, berkata kebanyakan ajaran sesat di negara ini berpunca daripada ajaran Shi'ah Isma'illiyyah Batiniyyah, Hindu, Buddha selain pengaruh falsafah Greek Kuno.

Bagaimanapun, katanya, Shi'ah Ismaliyyah dan Ghulat paling banyak mempengaruhi ajaran sesat di negara ini serta negara jiran lain.

"Terdapat 60 ciri ajaran sesat yang mempunyai persamaan dengan ajaran Syi'ah Isma'illiyah Batiniyyah. Antara ciri yang popular di negara ini ialah guru mengaku sebagai Imam Mahdi atau pembantunya setaraf dengan nabi atau malaikat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Sejarah Ajaran Sesat di Malaysia dan Ciri Mengenali Sesebuah Ajaran Sesat di Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di Pusat Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia (Mines), di sini hari ini.

Menurutnya, kumpulan itu mengaku menerima wahyu baru dan boleh memansuhkan Syariat Islam serta arahan yang diberi mesti dipatuhi.

"Contohnya Kumpulan Tariqat Noor Zamn Imam Mahdi yang diketuai Muhamad Ariffin Muhamad Jailani atau lebih dikenali sebagai Muhamad Nazir Ismail. Kumpulan ini bertanggungjawab menyerang Balai Polis Batu Pahat pada 16 Oktober 1980," katanya.

Dr Wan Mohd Azam juga berkata, kumpulan Al-Arqam juga terpengaruh dengan kumpulan Syi'ah yang mana pengikutnya diajar Silat Sunda untuk berjuang bersama Imam Mahdi apabila beliau muncul kelak.

Ciri-ciri lain ialah guru mengaku memegang pintu syurga, amalan seperti zikir dapat menangguhkan kiamat, mempercayai semua agama adalah sama, meminta pertolongan daripada orang mati, mempercayai guru mereka boleh menebus dosa dengan wang serta mempercayai ada lagi nabi selepas Nabi Muhammad.

Menurut Dr Wan Mohd Azam, walaupun nama kumpulan ajaran sesat berbeza, namun mereka mempunyai motif yang hampir sama iaitu memansuhkan syariat Islam dan menyerahkan semua urusan dunia kepada hawa nafsu tanpa bergantung kepada wahyu Ilahi.

# Penyelewengan agama perlu ditangani semua pihak

SEMUA pihak perlu berganding bahu mencari jalan penyelesaian dan pendekatan bagi menangani masalah penyelewengan agama kerana ia diibaratkan api dalam sekam yang boleh membunuh secara senyap.

Mufti Negeri Johor, Datuk As-Sheikh Nooh Gadot berkata, pihak berkuasa perlu mengatasi segala masalah membabitkan kelemahan dalam undang-undang dan enakmen termasuk memberi gambaran jelas ciri-ciri ajaran sesat dalam enakmen, di samping meningkatkan hukuman.

Sehubungan itu, katanya, Jabatan Kemajuan Agama Islam (Jakim), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu mengenal pasti halangan kepada penyelesaian itu melalui kajian sistematik dan profesional.

"Pengamal ajaran sesat boleh merosakkan akidah, ilmiah, akhlak dan perpaduan ummah, yang boleh dikategorikan kesalahan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Akta Percetakan juga sepatutnya dipinda bagi mengawal semua penerbitan yang diragui kebenaran maklumat selain menapis buku import oleh pihak yang berkelayakan," katanya dalam kertas kerja bertajuk Cabaran, Halangan dan Rintangan Yang Menyulitkan Usaha Pembasmian Ajaran Sesat di Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di Pusat Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia (Mines) hari ini.

Menurutnya, tempat yang dianggap keramat seperti makam, busut besar dan objek ganjil sepatutnya dimusnahkan bagi mengelak dijadikan tempat pemujaan.

# Punca perpaduan ummah lemah

MASALAH sosial dan kemusnahan umat Islam akibat penagihan dadah secara berterusan menyebabkan pengikutnya boleh disamakan seperti mengamalkan ajaran sesat.

Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia, Datuk Mustapha Ma berkata, agak malang apabila lebih 75 peratus penagih negara ini terdiri daripada umat Islam.

Katanya, ajaran sesat hanya akan menyebabkan perpaduan ummah menjadi lemah dan seterusnya menyebabkan kejatuhan umat Islam sendiri.

"Kesalahan mengamalkan ajaran sesat dan ketidakharmonian dalam umat Islam adalah berpunca penyalahgunaan kepentingan yang diberi kepada setiap manusia oleh Allah," katanya sewaktu pembentangan kertas kerjanya 'Islam dan Keharmonian Sosial Sejagat' di Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di Pusat Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia (Mines) hari ini.

Jika manusia mengingkari larangan dan perintah Allah, katanya, umat itu sendiri yang membenarkan segala kemungkaran terjadi melalui perbuatannya.

Beliau yang juga Ahli Majlis Pemadam, berkata, pihaknya juga berdepan kesukaran pada kempen anti dadah.

"Masyarakat mengambil masa 10 tahun untuk menyedari kewujudan masalah sosial manakala 10 tahun lagi untuk memahaminya dan sedekad lagi untuk mereka bertindak menangani masalah itu," katanya.

# Garis panduan bertarekat mampu tepis ajaran sesat

B.H. Jumaat 13 Okt 00



**Masyarakat Islam hari ini dahagakan ilmu yang boleh memandu ke arah kebenaran**

– Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi Ab Majid

IADAAN garis panduan genai teknik atau prose- bertarekat kenal pasti an- punca ajaran sesat tum- silih berganti di negara

gi menangani gejala pe- aman yang menyimpang pada syariat, garis panduan kat bertepatan dengan al- n dan sunnah hendaklah ntuk untuk diterima pakai umat Islam.

a masyarakat tidak terde- dengan fahaman atau aja- yang menepati kehendak na, kemungkinan mereka edah kepada unsur berten- an syariat lebih cerah.

ngarah Akademi Pengaji- lam Universiti Malaya, Pro- Datuk Dr Mahmood Zuh- Majid berkata, ketiadaan ram agama berterusan yebabkan segelintir umat terpengaruh dengan aja- atau amalan bertentangan an agama.

asyarakat Islam hari ini gakan ilmu yang boleh me- lu ke arah kebenaran. Ada kosong dalam kehidu- yang perlu diisi dengan bermanfaat.



**Pihak berwajib hendaklah meletakkan garis panduan mengenai sesuatu tarekat**

– Pensyarah Jabatan Usuluddin dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Profesor Dr Abdul Fattah Haron Ibrahim

"Dalam mencari sesuatu yang boleh memenuhi ruang ini, ada segelintir umat Islam yang tersilap mengambil unsur atau amalan yang kurang sihat serta bercanggah dengan Islam.

"Pada anggapan mereka, ajaran itu tidak bertentangan dengan agama.

"Oleh demikian, program bersepadu dan tersusun hendaklah dijalankan untuk menghalang masyarakat daripada terus menjadikan amalan bertentangan dengan agama sebagai panduan," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahmood Zuhdi berkata, bagi mengelakkan sebarang unsur bertentangan dengan syariat daripada terus mengisi kekosongan jiwa umat Islam, satu pendekatan selari dengan kehendak Islam perlu dibentuk, dipelajari dan diamalkan.

Menurutnya, masyarakat perlu dididik berpandukan ilmu pengetahuan yang betul dan bebas daripada unsur negatif.

Katanya, ilmu yang benar ialah bersumberkan al-Quran, hadis dan ijmak sahabat.

Dr Mahmood juga menyarankan supaya kaedah atau teknik (tarekat) yang betul, tidak bercampur dengan unsur negatif dijelaskan kepada masyarakat untuk mengelak kekeliruan mengenai sesuatu fahaman atau ajaran agama.

"Tarekat adalah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Tuhan. Tarekat yang bertepatan dengan syariat adalah langkah yang terbaik untuk mengelak umat Islam daripada terjebak dalam kancah ajaran sesat," katanya.

Pensyarah Jabatan Usuluddin dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Profesor Dr Abdul Fattah Haron Ibrahim, berkata pihak yang berwajib hendaklah meleta- kan garis panduan mengen sesuatu tarekat.

Katanya, jika sesuatu tarek difatwakan salah, pihak be wajib juga perlu menjelaska kepada masyarakat, tarek yang bagaimanakah tidak m nyalahi ajaran Islam.

Beliau tidak menafikan be ikutan tiada garis pandua mengenai tarekat menyeba kan segelintir masyarakat I lam mengikut tarekat sala yang bertentangan dengan ka dah hukum asal.

Dr Abdul Fattah berkat masyarakat Islam di rantau As Tenggara, lebih gemar meng malkan tarekat atau perka yang berhubung dengan tas wuf sebagai satu cara mend katkan diri kepada Tuha (Ma"arifatullah).

"Kadang-kadang mereka te silap memilih jalan tarekat ya dicampuri dengan unsur ba niah sebagai amalan.

"Bukan hanya dalam peng tahuan mengenai cara be tarekat yang betul, masyar kat juga perlu didedahkan d ngan konsep tasawuf ya menepati Islam," katanya.

Dalam hal ini, beliau m minta kerajaan supaya men laskan kepada masyarak amalan bertepatan dengan sy riat untuk mengelak masyar kat daripada terpengarh d ngan unsur batiniah dalam be tarekat.

Menyedari pentingnya um Islam di negara ini didedahka dengan tarekat yang betul se ta menepati kehendak Islai Dr Abdul Fattah berpendapa secara tidak langsung ajar tarekat yang bertentangan d ngan ajaran ahli Sunnah W Jamaah dapat dibendung.

Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat

# Berbeza ideologi punca seleweng

B.H - SETEM, 25 NOV 08

KUALA LUMPUR, Jumaat – Antara punca penyelewengan agama di kalangan umat Islam kerana perbezaan ideologi (politik), budaya dan dogmatik.

Namun, fenomena itu dianggap perkara biasa kerana semua agama di dunia mengalami masalah penyelewengan di kalangan penganutnya.

Pensyarah Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof Fikret Karcic, berkata perpecahan di kalangan umat Islam mula berlaku apabila ia berpecah kepada tiga kumpulan utama iaitu Ahli Sunnah, Syiah dan Khawarij yang menyebabkan ada umat Islam yang berjuang bukan kerana agama tetapi menegakkan kefahaman politik.

"Sebagai contoh, kumpulan Khawarij sanggup melakukan pembunuhan dalam peperangan Siffin semata-mata kerana taksub terhadap Ali.

"Kumpulan itu juga melabelkan orang lain sebagai kafir dan murtad sekiranya mempunyai pandangan berbeza dengan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Penyelewengan Pengajaran di kalangan Umat Islam: Satu Kajian Sejarah dan Taburan' pada Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di Pusat Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia (Mines) di sini, hari ini.

Katanya, salah faham terhadap pengertian qada dan qadar serta sebab kejadian membuatkan pengamal ajaran sesat sanggup menduakan Allah.

Dari segi struktur, katanya, kumpulan ajaran sesat kebiasaannya mempunyai organisasi sendiri yang disusun dengan teliti dan ada kalanya dirahsiakan daripada orang ramai.

B.H. - Rabu - 26 Julai 2000

**masyarakat meskipun ada amalan boleh menjurus kepada kesesatan, misalnya puja pantai, mandi safar dan memuja semangat padi.**

- **Orang Melayu minta bantuan bomoh untuk tujuan perniagaan, cinta, pendinding dan cepat kaya.**

- **Kerajaan juga harus bertindak memeranginya dengan bersungguh-sungguh seperti memerangi dadah dan mengambil tindakan bersepadu supaya pengamal ilmu dan ajaran sesat kembali ke pangkal jalan.**

ILMU dan amalan khurafat masih kuat bertapak di kalangan orang Melayu. Sebut saja segala macam tangkal dan ubat pengasih, semuanya masih ada yang diamalkan. Antaranya meminta bantuan bomoh untuk tujuan perniagaan, politik, cinta, pendinding, cepat kaya, tolak bala atau membalas dendam.

Amalan sebegini, jika tidak dikekang, boleh menggalakkan perkembangan ajaran sesat kerana ia memesongkan akidah orang Islam. Ajaran atau amalan yang dibawa orang Islam mahupun bukan Islam yang bertentangan dengan al-Quran dan sunnah serta berlawanan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah boleh digolongkan sebagai ajaran sesat.

Kegelinciran iman akan memesongkan akidah. Oleh itu, untuk individu dan organisasi agar sentiasa berada di atas jalan Islam adalah mudah, iaitu sentiasa memastikan pemahaman, kepercayaan dan amalan selaras dengan al-Quran dan sunnah Rasulullah.



ZAID KAMARUDDIN

Menurut Timbalan Presiden Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM), Zaid Kamaruddin, seseorang boleh terpesong kerana dua perkara, iaitu akidah dan amalannya.

Katanya, akidah berkait rapat dengan ketauhidan agama seseorang manakala amalan pula bersangkut-paut dengan kehidupan harian. Ia berakar umbi dalam sejarah masyarakat itu sendiri dan menjadi nilai hidup serta diamalkan turun-temurun.

"Soal akidah adalah jelas, iaitu sesuatu yang bertentangan dengan Islam adalah salah manakala amalan pula agak rumit kerana ia berkait rapat dengan norma masyarakat," katanya.

Menurutnya, ajaran sesat boleh berlaku dalam masyarakat kerana kedangkalan ilmu, amalan khurafat dan terkeluar daripada landasan Islam yang telah membudaya dan kurang inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk menghapuskannya.

Katanya, sebelum penyebaran syiar Islam, ada banyak amalan tempatan yang dipengaruhi unsur luar seperti Hindu atau unsur lama yang diamalkan dan diterima menjadi gaya hidup turun-temurun.

Tradisi lama itu, katanya, masih diamalkan segelintir masyarakat meskipun ada amalan boleh menjurus kepada kesesatan, misalnya puja pantai, mandi safar dan memuja semangat padi.

Menurutnya, masyarakat Melayu di rantau ini masih lagi kuat berpegang kepada amalan dan ajaran yang boleh menyesatkan seperti meminta bantuan bomoh untuk perniagaan, politik, cinta, perlindungan, pukau, cepat kaya, tolak bala dan balas dendam.

Yang jelas, katanya, kurang pengetahuan agama menjadi punca gejala itu. Asas agama membantu membezakan antara betul dan salah. Tanpa pengetahuan agama, ia pasti menimbulkan kekeliruan dalam diri.

Selain itu, perkembangan ajaran sesat juga didorong oleh kekosongan jiwa orang Islam, adanya pengaruh kebendaan, keruntuhan struktur institusi kekeluargaan, keghairahan seseorang mencari kesempurnaan agama melalui kaedah kerohanian, risalah dan buku yang bertentangan dengan agama Islam tersebar luas dan desakan hidup, hilang pertimbangan serta tiada langkah tegas membendung penyebaran ajaran sesat.

Menurutnya, ilmu bukan sekadar harus dimiliki dalam setiap jiwa manusia tetapi dibina dan dikukuh dengan kekuatan yang membawa kebaikan diri. Dalam hal ini, umat Islam perlu memahamai al-Quran yang menuntut kita melaksana budaya mengkaji dan meneliti.

Ini, katanya, kerana pemimpin dan pengikut perlu sama-sama bertanggungjawab memastikan mendapat sumber yang betul.

Zaid turut menggariskan beberapa saranan untuk mengatasi masalah ajaran sesat, antaranya ialah dengan mempergiatkan penyebaran dan pemahaman mengenai akidah dan amalan Islam yang sahih dan memerangi ajaran sesat dengan bersungguh-sungguh melalui pendidikan, galakan dan pembanterasan amalan ajaran itu.

Katanya, kerajaan juga harus bertindak memeranginya dengan bersungguh-sungguh seperti memerangi dadah dan mengambil tindakan bersepadu supaya pengamal ilmu dan ajaran sesat kembali ke pangkal jalan.

"Pada masa yang sama, kita juga perlu merungkaikan minda Melayu daripada dongengan dan kesaktian dengan menghapuskan unsur kesaktian keris Taming Sari, cerita Ulit Mayang, sumpah ibu Si Tanggang dan dongeng lain seperti kempunan ibu Batu Belah Batu Bertangkup," katanya.

Hakikatnya, proses pembersihan diri daripada amalan dan kepercayaan ajaran sesat perlu dilakukan dari akar umbi. Individu perlu membersihkan diri daripada ajaran sesat dengan kembali kepada Islam dan kerajaan pula dengan memeranginya habis-habisan.

Ulama juga tidak terkecuali dan mereka perlu tampil dengan berani dan tidak teragak-agak menyatakan yang benar dan berusaha keras menghapuskan sebarang ajaran sesat serta perkara-perkara yang boleh menyesatkan.

# 96 pertubuhan seleweng akidah ummah

B.H. - SELASA, 25 JULAI 2000.

**Daripada 96 pertubuhan yang menyelewengkan ajaran Islam, 53 dibuktikan sesat serta dinasihatkan kembali kepada kebenaran dan 43 pertubuhan menyahut seruan memberhentikan gerakan mereka. Kini, 36 kumpulan lagi masih disiasat**

ADA 96 pertubuhan yang menyelewengkan ajaran Islam dan menjadi ancaman besar kepada kepercayaan masyarakat negara ini terhadap ajaran Islam sebenarnya.

Daripada jumlah itu, 53 sudah dibuktikan sesat serta dinasihatkan kembali kepada kebenaran dan 43 pertubuhan menyahut seruan memberhentikan gerakan mereka.

Kini, terdapat 36 kumpulan lagi yang masih disiasat dan jika disabitkan menyebarkan ajaran sesat, mereka akan dinasihatkan kembali ke pangkal jalan.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Noh Omar berkata, itu adalah langkah pertama yang diambil dalam usaha membanteras kes penyebaran ajaran sesat di kalangan masyarakat negara ini.

Beliau berkata, sekiranya pertubuhan itu berdegil, mereka akan dikenakan tindakan. Setakat kini, dua pertubuhan sudah dikenakan denda kerana menyebarkan amalan tanpa permit.

Mengenai perlaksanaan untuk menentukan sama ada sesebuah pertubuhan itu mengamalkan ajaran sesat atau tidak, Noh berkata, sebarang aduan mengenai kewujudan perkumpulan baru akan disiasat oleh Panel Kajian Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Sekiranya terdapat amalan yang meragukan, perkara itu akan dibawa kepada Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan badan ini akan memutuskan status pertubuhan berkenaan.

"Apabila fatwa dibuat dan jelas menunjukkan pertubuhan itu mengamalkan ajaran sesat, ia akan dimaklumkan kepada kerajaan negeri dan tindakan selanjutnya adalah di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah negeri," katanya.

Diminta menjelaskan tindakan pihak berkuasa dalam menyelesaikan isu semasa membabitkan keselamatan masyarakat, Noh berkata, Jakim sentiasa memantau tindak-tanduk pertubuhan yang meragukan di negara ini.

"Bagaimanapun, segala tindakan tidak pernah kita laporkan kepada umum.

"Tetapi jika pertubuhan itu mengancam kestabilan negara, pasti kita akan dedahkan kepada masyarakat seperti yang terjadi kepada Al-Arqam," katanya.

Mengulas kes kumpulan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah (Al-Ma'unah), Noh berkata, kumpulan itu mulai disiasat pada Mei lalu berdasarkan 10 amalan yang terdapat dalam buku ajaran mereka yang disifatkan menyeleweng.

Bagaimanapun katanya, sebelum sebarang tindakan dapat diambil, kumpulan berkenaan sudah mengejutkan seluruh negara apabila mereka merompak senjata dan membunuh tebusan secara kejam.

239

# Ketua 'Ayah Pin' jadi bomoh kelirukan Orang Asli

B/HARIAN - SELASA - 13 FEB 2001

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan mendapati ketua ajaran berkenaan sanggup berkunjung ke perkampungan Orang Asli di pedalaman Gua Musang dan bertindak sebagai bomoh menerusi majlis tarian sewang yang menjadi tradisi penduduk Orang Asli

**Oleh Betty Subaryati**

KOTA BHARU, Isnin – Pemimpin kumpulan ajaran sesat 'Ayah Pin' yang dikesan bergerak di beberapa perkampungan Orang Asli di pedalaman Gua Musang, dipercayai memberi perkhidmatan bomoh sebagai tarikan kepada Orang Asli yang baru memeluk Islam.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Abdul Rahim Hassan, berkata siasatan awal pihaknya mendapati ketua ajaran itu sanggup berkunjung ke perkampungan terbabit dan bertindak sebagai bomoh menerusi majlis tarian sewang yang menjadi tradisi penduduk Orang Asli.

Setakat ini, katanya, kira-kira 100 Orang Asli yang sudah memeluk Islam dikatakan terpengaruh dengan ajaran sesat itu.

"Ayah Pin' dilaporkan datang ke perkampungan Orang Asli di pedalaman Gua Musang dan berlagak sebagai bomoh kepada Orang Asli yang kononnya 'dirasuk' ketika majlis tarian sewang," katanya, kepada Berita Harian ketika dihubungi di sini, hari ini.

Abdul Rahim berkata, JHEAIK menghantar sepasukan pegawai penguat kuasa dan penyelia pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) untuk memantau keadaan bagi memastikan Orang Asli beragama Islam itu tidak terpesong dari ajaran sebenar.

Menurutnya, kalangan Orang Asli beragama Islam yang terpengaruh dan menjadi pengikut kumpulan 'Ayah Pin' itu diberi kaunseling dan dibimbing akidahnya supaya bertaubat.

"Kita tidak boleh mengambil tindakan terhadap penduduk tempatan yang dikatakan menjadi penghasut kepada Orang Asli beragama Islam itu kerana mereka juga individu yang baru memeluk Islam.

"Justeru, kita harap kaunseling dan pujukan pegawai penguat kuasa dapat membantu memulihkan akidah kumpulan Orang Asli itu untuk kembali ke pangkal jalan Islam sebenar," katanya.

Mengenai kemungkinan JHEAIK mengambil tindakan terhadap pemimpin kumpulan 'Ayah Pin' yang bebas keluar masuk perkampungan Orang Asli di negeri ini, Abdul Rahim berkata pihaknya tidak mempunyai bidang kuasa mengambil tindakan kerana ketua kumpulan itu dipercayai berasal dari negeri lain.

"Kita akan meminta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menghubungi pihak berkenaan di negeri asal lelaki terbabit selain meminta kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) supaya 'Ayah Pin' dikenakan tindakan undang-undang.

"Ini penting bagi memastikan pengaruhnya tidak terus merebak di Kelantan atau ke negeri lain," katanya.

Dalam laporan semalam, JHEAIK sudah menyiapkan laporan terperinci berhubung laporan berlakunya penyebaran ajaran sesat 'Ayah Pin' di beberapa perkampungan Orang Asli di pedalaman Gua Musang. Laporan itu turut dihantar ke Jakim untuk tindakan lanjut.

# Ajaran 'Ayah Pin' cuba pengaruhi Orang Asli

B. Harian-Isnin
5 Feb 2007

**Pihak berkuasa agama di Kelantan diminta bertindak tegas terhadap mereka yang dikenal pasti aktif mengembangkan ajaran sesat itu sehingga menyebabkan timbul pelbagai keraguan di kalangan Orang Asli**

**Oleh Ramli Ibrahim**

GUA MUSANG, Ahad – Segelintir penduduk tempatan dipercayai menjadi dalang kumpulan ajaran sesat 'Ayah Pin' bagi mempengaruhi Orang Asli yang baru memeluk agama Islam di beberapa kampung pedalaman di sini.

Sehubungan itu, pihak berkuasa agama di negeri ini diminta bertindak tegas terhadap mereka yang dikenal pasti aktif mengembangkan ajaran itu hingga menyebabkan timbul pelbagai keraguan di kalangan Orang Asli.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Mohamad Saufi Deraman berkata, walaupun keadaan itu belum lagi merebak ke seluruh penempatan Orang Asli, ia harus segera dibanteras sebelum berleluasa.

Jika tidak dibendung, katanya, ia akan membawa padah berpanjangan dan boleh menyebabkan golongan Orang Asli hilang kepercayaan terhadap agama Islam yang baru dianuti.

Beliau berkata, maklumat yang diperolehi mendapati ada penghulu Orang Asli dijadikan sasaran kumpulan 'Ayah Pin' untuk menyebarkan ajaran itu kepada anak buahnya secara berperingkat.

"Kita difahamkan keadaan belum merebak ke kawasan penempatan Orang Asli dan hanya bertumpu di pos tertentu yang sedang dikawal ketat oleh pihak berkuasa agama.

"Gerak-geri orang luar yang memasuki ke kawasan ini perlu diawasi kerana kita khuatir jika mereka bertujuan menyebarkan ajaran sesat dengan menganjurkan kegiatan di kawasan sunyi bagi mengelak daripada dikesan.

"Kita dapat tahu ada penghulu yang dibawa ke markas kumpulan berkenaan di Besut, Terengganu dan mempengaruhi anak buah masing-masing apabila pulang," katanya, kepada *Berita Harian* selepas meninjau perkembangan ajaran sesat di beberapa perkampungan Orang Asli di sini, semalam.

Awal bulan lalu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) mengesan kumpulan ajaran sesat mula bertapak di Pos Hendrop apabila beberapa penduduk Orang Asli dipercayai dipengaruhi dengan ajaran itu.

Timbalan Yang Dipertua Maik, Datuk Mohd Yusoff Ismail berkata, sasaran utama kumpulan ajaran itu ialah penduduk Orang Asli yang baru memeluk agama Islam.

Mohamad Saufi berkata, penghulu Orang Asli perlu membuat aduan awal berhubung penyebaran ajaran itu ke kawasan penempatan mereka sebelum merebak.

Justeru, beliau meminta masyarakat Orang Asli yang sudah menganut agama Islam dan terpengaruh dengan ajaran sesat itu supaya kembali ke ajaran Islam sebenar.

"Tidak ada agama yang boleh membawa kesejahteraan dan ketenangan hidup kecuali Islam, oleh itu kita harus mendalami ajaran Islam dengan berpandukan hidup al-Quran dan hadis," katanya.

# Gerakan banteras ajaran sesat 'Ayah Pin'

UTUSAN M'SIA - 22 SELASA, 2001 FEBRUARI

Oleh
ZAIDI AWANG HAMAT

GUA MUSANG 20 Feb. – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) akan bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) untuk membanteras kegiatan ajaran sesat dikenali 'Ayah Pin' di perkampungan Orang Asli di jajahan ini.

Pengarah JHEOA, Abdul Rahim Hassan, berkata, keputusan tersebut dicapai dalam mesyuarat pada 15 Februari lalu membabitkan agensi berkenaan yang diadakan khusus bagi menangani masalah ajaran sesat itu.

Katanya, gerakan besar-besaran membabitkan pihak terlibat akan dimulakan segera bagi menghindarkan lebih ramai masyarakat Orang Asli yang akan terpengaruh dengan ajaran tersebut.

"Sebelum ini kita telahpun menghantar sekumpulan pegawai penguat kuasa bersama pegawai penyelia MAIK bagi mengawasi dan memantau ajaran tersebut khususnya di pedalaman Gua Musang," katanya kepada *Utusan* hari ini.

Sebelum ini terdapat laporan kegiatan ajaran sesat dikenali 'Ayah Pin' kini sedang menular di perkampungan Orang Asli terutama di sekitar kawasan Hendrop kira-kira 35 kilometer dari sini.

Kumpulan tersebut yang berasal dari Terengganu dikatakan berjaya menarik hampir 100 masyarakat Orang Asli yang baru memeluk agama Islam untuk menyertai mereka di sekitar beberapa perkampungan Orang Asli.

Siasatan awal JHEIK mendapati kumpulan ajaran sesat itu menggunakan bomoh sebagai tarikan kepada masyarakat Orang Asli yang baru memeluk Islam.

Bomoh-bomoh tersebut dipercayai menggunakan majlis tarian sewang yang menjadi aktiviti tradisi masyarakat Orang Asli untuk menonjolkan diri mereka sebagai usaha menarik perhatian Orang Asli.

"Pelbagai strategi lain juga telah dirancang secara bersama bagi membanteras ajaran itu daripada terus mempengaruhi saudara baru Orang Asli yang amat memerlukan bimbingan serta ajaran Islam yang sebenar," katanya.

Katanya, selain agensi terbabit pihaknya juga mendapat kerjasama penuh daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi mengatasi masalah itu.

Hampir 300 Orang Asli memeluk agama Islam setiap tahun daripada sejumlah kira-kira 6,000 di 18 buah pos dan sekitarnya di jajahan ini.

24

# BIODATA PENULIS

Abdul Haris b. A. Hamid dilahirkan di Kuala Besut, Besut, Terengganu pada 14 Ogos 1971. Anak kedua dari empat orang adik beradik dan merupakan anak lelaki tunggal. Dibesarkan dalam suasana keluarga yang serba sederhana.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Besut sehingga tamat darjah enam. Peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Nurul Ittifaq, Kuala Besut sehingga tamat peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Selepas itu, meneruskan persekolahan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Menengah Agama Maarif, Kampung Raja, Besut.

Pengajian tinggi bermula apabila berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat diploma di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu dalam bidang Pengajian Islam Usuluddin sehingga tamat pada 1992. Dalam tahun yang sama telah melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Kaherah dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab selama empat tahun.

Kembali ke tanahair pada tahun 1996 dan berkhidmat sebagai Guru Sandaran Siswazah Tidak Terlatih (GSTT) di Sekolah Menengah Teknik Besut. Setelah itu berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Siswazah (DA-1) di Sekolah Menengah Agama Maarif, Kg. Raja. Pada tahun 1998 melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma Pendidikan (BA/PI) dan tamat pada pertengahan tahun 1999 dan terus menyambung pelajaran lagi di peringkat Ijazah Sarjana Usuluddin di Universiti Malaya. Sekarang sedang berkhidmat sebagai pengajar di Maktab Rendah Sains MARA, Kuantan sejak April 2001. Bercita-cita untuk terus menimba ilmu pengetahuan ke peringkat yang lebih tinggi. Berazam untuk meneruskan perkhidmatan dalam bidang ilmu pengetahuan.